

**PERLEMBAGAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

No. Pendaftaran: 5001001

Kelulusan Pindaan Perlembagaan daripada JPA: 30 Mei 2011 melalui surat bernombor rujukan JPA 112/3/2-208 klt. 6 (50) dan 25 Jun 2014 melalui surat bernombor rujukan JPA 112/3/2-208 klt 7 (12)

1.0 NAMA DAN KEAHLIAN MAJLIS

Majlis Bersama Jabatan bagi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (selepas ini disebut "Majlis") hendaklah mengandungi tiga puluh tiga (33) ahli termasuk Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha-Setiausaha yang terdiri daripada sebelas (11) ahli yang dilantik oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (selepas ini disebut sebagai "Pihak Pegawai") dan dua puluh dua (22) ahli yang dipilih oleh Kesatuan Sekerja dan Persatuan-Persatuan Kakitangan yang mewakili pekerja-pekerja di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPANS), Jabatan Mufti Negeri Selangor dan Pejabat DYMM Sultan Selangor (selepas ini disebut sebagai "Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor") atau pekerja-pekerja itu sendiri (selepas ini disebut sebagai "Pihak Pekerja")

2.0 AHLI PIHAK PEGAWAI

Ahli-Ahli bagi Pihak Pegawai hendaklah terdiri daripada pegawai-pegawai di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor seperti berikut:-

- | | | |
|----|---|-----------|
| a) | Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan) | Pengerusi |
| b) | Setiausaha Bahagian (PSM)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Ahli |
| c) | Setiausaha Bahagian (KP)
Bahagian Khidmat Pengurusan | Ahli |
| d) | Setiausaha Bahagian (ICT)
Bahagian Teknologi Maklumat | Ahli |
| e) | Ketua Penolong Setiausaha (Dasar)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Ahli |

- | | | |
|----|---|------------|
| f) | Ketua Penolong Setiausaha (Operasi)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Ahli |
| g) | Ketua Penolong Setiausaha (W)
Unit Kewangan BKP | Ahli |
| h) | Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Selangor (SPANS) | Ahli |
| i) | Pegawai
Jabatan Mufti Negeri Selangor | Ahli |
| j) | Pegawai
Pejabat DYMM Sultan Selangor | Ahli |
| k) | Penolong Setiausaha (Tatatertib)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia | Setiausaha |

Mereka ini hendaklah dilantik atas nama jawatan masing-masing.

3.0 AHLI PIHAK PEKERJA

3.1 Ahli-ahli bagi Pihak Pekerja hendaklah terdiri daripada pekerja-pekerja Gred 48 dan ke bawah, bukan Ketua Bahagian di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang dipilih oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja dan Persatuan-persatuan Kakitangan yang berdaftar yang mewakili pekerja-pekerja yang berkhidmat di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (atau pekerja-pekerja itu sendiri) seperti berikut:

- a) sembilan belas (19) orang wakil daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor terdiri daripada:
 - i. seorang wakil Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41-48;
 - ii. seorang wakil Pegawai / Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29-F32;
 - iii. seorang wakil Pembantu Teknik Gred J29;
 - iv. seorang wakil Penolong Pegawai Tadbir Gred N27-N36;

- v. seorang wakil Penolong Akauntan Gred W27 dan Penolong Juruaudit Gred W27-W32;
 - vi. seorang wakil Pembantu Penguatkuasaan Gred N17;
 - vii. dua orang wakil Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) Gred N17 – N26;
 - viii. seorang wakil Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17 – W26;
 - ix. seorang wakil Setiausaha Pejabat / Pembantu Setiausaha Pejabat Gred N17 – N36;
 - x. seorang wakil Pegawai Khidmat Pelanggan Gred N17;
 - xi. seorang wakil Juruteknik Komputer Gred FT17;
 - xii. seorang wakil Juruteknik Gred J17;
 - xiii. seorang wakil Pengawal Keselamatan Gred KP11 – KP17;
 - xiv. seorang wakil Penjaga Jentera Elektrik Gred R17;
 - xv. seorang wakil Pemandu Kenderaan Gred R3 – R6;
 - xvi. seorang wakil Pembantu Am Pejabat Gred N1- N4;
 - xvii. seorang wakil Pekerja Awam Gred R1; dan
 - xviii. seorang wakil Tukang Gred K1
- b) seorang wakil daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPANS);
 - c) seorang wakil daripada Jabatan Mufti Negeri Selangor; dan
 - d) seorang wakil daripada Pejabat DYMM Sultan Selangor.

Peraturan bagi memilih ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang akan disediakan buat permulaan oleh satu Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh pekerja-pekerja di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan diluluskan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

- 3.2 Kekosongan yang berlaku di dalam keanggotaan Pihak Pekerja hendaklah diisi oleh calon-calon daripada pekerja-pekerja yang melantik wakil yang mengosongkan jawatan itu sendiri.
- 3.3 Ahli-ahli Pihak Pekerja hendaklah memegang jawatan selama tempoh dua (2) tahun mulai daripada tarikh pelantikan mereka dan boleh terus memegang jawatan berkenaan sehingga ahli-ahli yang akan mengambil alih telah dipilih atau dilantik.

4. PEGAWAI-PEGAWAI MAJLIS

Pegawai-pegawai Majlis adalah terdiri daripada Pengerusi, Naib Pengerusi dan Setiausaha Bersama. Naib Pengerusi hendaklah terdiri daripada dan yang dipilih oleh ahli Pihak Pekerja. Setiap pihak dalam Majlis hendaklah melantik seorang daripadanya untuk memenuhi jawatan Setiausaha Bersama.

5. TUJUAN

- 5.1 Majlis ini ditubuhkan bertujuan menyediakan medium kerjasama antara Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan aspek kelancaran serta kebajikan para pekerja berkenaan.
- 5.2 Selain itu, Majlis ini ditubuhkan juga bertujuan mewujudkan jentera yang membincangkan perihal syarat-syarat bekerja dan mengumpulkan pelbagai input atau buah fikiran daripada para pekerja dengan wakil-wakil rasmi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

6. BIDANG DAN FUNGSI

- 6.1 Bidang dan fungsi Majlis hendaklah ditumpukan hanya kepada perkara-perkara yang termasuk di dalam bidang kuasa Majlis seperti berikut:
 - a) Membincang dan memutuskan akan perkara-perkara mengenai syarat-syarat bekerja yang ada kaitan dengan pentadbiran yang berkenaan kecuali perkara-perkara yang melibatkan dasar Kerajaan atau hal-hal perseorangan;

- b) Membolehkan warga kerja mengambil bahagian dan lebih bertanggungjawab atas perkara-perkara mengenai bidang tugas masing-masing serta mematuhi syarat-syarat sebagaimana tugas masing-masing dilaksanakan;
- c) Menggalakkan warga kerja menyertai atau melibatkan diri dalam perbincangan untuk menambah pengetahuan berkaitan aspek pengurusan pelbagai Jabatan / Bahagian / Seksyen / Unit; dan
- d) Menyediakan kemudahan bagi menambah baik perjalanan atau kelancaran organisasi.

7. MESYUARAT

- 7.1 Mesyuarat-mesyuarat biasa bagi Majlis hendaklah diadakan sekali dalam tempoh tiga (3) bulan iaitu empat (4) kali setahun.
- 7.2 Korum bagi mesyuarat Majlis hendaklah terdiri daripada 50% (6) ahli Pihak Pegawai dan 50% (11) ahli Pihak Pekerja.
- 7.3 Agenda bagi mesyuarat-mesyuarat Majlis hendaklah disediakan oleh Setiausaha Bersama dan dihantar oleh Setiausaha-setiausaha tersebut kepada pihak masing-masing tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh mesyuarat. Perkara-perkara yang tidak termasuk di dalam agenda hanya boleh dibincangkan dengan kebenaran Pengerusi dan Naib Pengerusi.
- 7.4 Mesyuarat Khas Majlis boleh diadakan dengan permintaan Pengerusi atau Naib Pengerusi apabila dikehendaki. Tarikh mesyuarat hendaklah dipersetujui oleh pegawai-pegawai Majlis. Perkara-perkara yang akan dibincangkan semasa mesyuarat hendaklah terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan dalam notis panggilan mesyuarat.
- 7.5 Sekiranya Pengerusi tidak dapat mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis, maka ahli Pihak Pegawai terkanan boleh mempengerusikan mesyuarat Majlis dengan kebenaran daripada Pengerusi. Dalam apa keadaan sekalipun, Naib Pengerusi tidak boleh mempengerusikan mana-mana mesyuarat Majlis.

8. KEPUTUSAN

- 8.1 Segala keputusan Majlis hendaklah dicapai secara persetujuan antara kedua-dua belah pihak.
- 8.2 Keputusan yang diambil jika tidak ada hubungan dengan jabatan / agensi lain dan tidak pula bertelingkah dengan Dasar Kerajaan boleh diuruskan atau dilaksanakan terus oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.
- 8.3 Manakala bagi keputusan yang mempunyai kaitan dengan Dasar Kerajaan atau jabatan / agensi lain, keputusan tersebut hendaklah dirujuk kepada jabatan / agensi berkenaan atau kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA).

9. PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN

- 9.1 Perlembagaan Majlis boleh dipinda di mana-mana mesyuarat Majlis dengan persetujuan tidak kurang daripada 50% orang ahli Pihak Pegawai dan 50% orang ahli Pihak Pekerja. Notis mengenai pindaan hendaklah diberi dan diedarkan kepada ahli-ahli Majlis sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh mesyuarat. Segala pindaan perlembagaan yang telah dipersetujui oleh Majlis hendaklah dikemukakan ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk kelulusan.
- 9.2 Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai penggubal dasar boleh menetapkan kaedah terbaik bagi menyelesaikan sebarang perbezaan pendapat dan pertentangan di antara Pihak Pegawai dengan Pihak Pekerja mengenai penggubalan dan pindaan perlembagaan Majlis. Segala keputusan yang dibuat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam adalah muktamad selari dengan kuasa yang diperuntukkan dalam perenggan 13 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1992.